

Kosmo
26/10/2015
m/s 2

Pengeluar tunggal vaksin gagal penuhi permintaan dari seluruh dunia

Krisis imunisasi di hospital Malaysia

Oleh JUNHAIRI ALYASA, SHAHRIL NIZAM ABDULLAH, NORAINI HASAN BASRI dan KAMARIAH KHALIDI

KUALA LUMPUR – Malaysia kini berdepan masalah untuk memberikan vaksin lima serangkai yang merupakan imunisasi penyakit berjangkit kepada 500,000 bayi yang dilahirkan setiap tahun di negara ini apabila antivirus itu mengalami kekurangan bekalan sejak Jun lalu.



NOOR HISHAM

Masalah kekurangan bekalan tersebut berpunca daripada kegagalan pihak pengeluar tunggal vaksin tersebut memenuhi permintaan dari seluruh dunia.

Ekoran daripada masalah tersebut, ibu bapa yang mempunyai bayi yang berusia dua, tiga, lima dan 18 bulan yang mendapatkan vaksin di klinik swasta kini terpaksa mendapatkan suntikan vaksin di pusat-pusat kesihatan kerajaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, bekalan vaksin polio secara suntikan (IPV) dan batuk



BAYI berusia dua bulan sehingga 18 bulan perlu diberikan suntikan imunisasi bagi mengelak penyakit polio, difteria, kancing gigi, batuk kokol dan jangkitan influenza hemofilus jenis B. – Gambar hiasan



CONTOH vaksin polio yang digunakan secara suntikan.

kokol semakin berkurangan apabila hanya terdapat sebuah syarikat yang menjadi pembekal tunggal bagi memenuhi permintaan global.

“Situasi ini sekali gus memberi impak terhadap perkhidmatan imunisasi negara di mana bekalan vaksin kepada kanak-kanak di pusat-pusat kesihatan swasta terputus manakala bekalan stok penimbal di pusat kesihatan kerajaan serta syarikat konsesi juga menurun,” katanya

menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Noor Hisham, vaksin IPV dan batuk kokol termasuk dalam kategori vaksin lima serangkai (DTaP-IPV-HiB) yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan dalam Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan sejak 2008 bagi mencegah penyakit polio, difteria, kancing gigi, batuk kokol dan jangkitan influenza hemofilus jenis B (HiB).

INFO

Jadual imunisasi yang disyorkan Kementerian Kesihatan

Vaksin

- BCG (Bacillus Calmette-Guerin)
- Hepatitis B
- DTaP (difteria, tetanus dan batuk kokol)
- HiB (influenza hemofilus jenis B)
- IPV (polio)
- Campak, beguk dan rubela
- HPV
- Kancing gigi

Bulan

- Baru lahir
- Baru lahir, 1, 6
- 2, 3, 5, 18
- B 2, 3, 5, 18
- 2, 3, 5, 18
- 12 bulan dan 7 tahun
- 13 tahun (2 dos)
- 15 tahun

“Namun, sejak Jun 2015, seluruh dunia menghadapi masalah bekalan vaksin yang mengandungi IPV dan batuk kokol ini. Ia telah mengakibatkan penggunaan vaksin lima serangkai di pusat kesihatan kerajaan turut meningkat berikutan rujukan daripada pusat kesihatan swasta,” ujarnya.

Beliau menambah, pihak kementerian kini sedang berusaha keras bagi memastikan bekalan berterusan menerusi siri perbincangan dengan syarikat pembekal dan konsesi.

“Antara langkah yang diambil ialah memantau bekalan stok dan vaksin di seluruh negara serta membuat agihan semula vaksin ini di kawasan operasi jika perlu.

“Keutamaan akan diberikan

kepada klinik-klinik yang jauh di pedalaman dan sukar dihubungi. Ia bagi memastikan perkhidmatan imunisasi tidak terputus dan seterusnya dapat membendung penularan penyakit,” tambahnya.

Justeru, beliau berharap ibu bapa atau penjaga khususnya yang sentiasa mendapat perkhidmatan imunisasi di klinik kerajaan agar mematuhi tarikh temu janji yang telah ditetapkan.

● Orang ramai yang mahu mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkhidmatan kesihatan boleh menghubungi talian hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-8000 8000 atau e-mel kkm@moh.gov.my